

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATUK AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB**  
**[ MACHANG ]**  
**TARIKH : 18 JUN 2014**  
**SOALAN :**

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [ Machang ] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan :**

- (a) berapakah nisbah antara doktor dan jururawat di Malaysia dan juga nisbah antara jururawat dan pesakit di Malaysia. Adakah bilangan itu mencukupi dan bertepatan dengan cadangan daripada WHO; dan
- (b) apakah program yang telah, sedang dan bakal dilakukan oleh Kementerian untuk meningkatkan mutu kualiti perkhidmatan jururawat terutama jururawat desa.

## **Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Disember 2013, nisbah Pegawai Perubatan kepada penduduk di Malaysia adalah 1:620 dan nisbah Jururawat kepada penduduk di Malaysia adalah 1:333. Nisbah tersebut masih belum mencapai sasaran yang ditetapkan selaras dengan nisbah bagi Negara maju iaitu 1:400 bagi Pegawai Perubatan dan Jururawat 1:200.

## **Tuan Yang Dipertua,**

Terdapat pelbagai program dan aktiviti yang telah, sedang dan bakal dilakukan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk meningkatkan mutu kualiti perkhidmatan jururawat terutama jururawat desa. Antaranya adalah seperti berikut:

- (1) Membuat pemantauan dan penyeliaan di lapangan secara berjadual atau secara mengejut di fasiliti kesihatan KKM di mana jururawat ditempatkan. Tindakan pembetulan dan penambahbaikan akan dibuat dengan kadar segera bagi memastikan jururawat melaksanakan tugas mereka mengikut piawaian yang ditetapkan;
- (2) Bahagian Kejururawatan sentiasa memantau pelaksanaan audit kejururawatan secara berkala atas jururawat yang bertugas di hospital dan komuniti bagi memastikan pencapaian tahap kualiti perawatan yang ditetapkan seperti dalam Standard Operating Procedure (SOP) atau garis panduan pengendalian kes;

- (3) Mengukuhkan program mentoring atas semua jururawat baru dan juga jururawat yang bertukar masuk bagi memastikan mereka dapat menyesuaikan diri, mematuhi polisi dan peraturan yang ditetapkan. Selain itu, program mentoring ini juga membantu jururawat berkenaan meningkatkan kompetensi dengan tugas yang dilaksanakan;
- (4) Mengadakan kursus dalaman bagi membantu meningkatkan kompeten jururawat berkenaan. Bagi Jururawat atau Jururawat Masyarakat yang dikomuniti perlu mengikuti kursus *Intergrated Management Childhood Illness* (IMCI) bagi memastikan mereka kompeten dalam memberi perawatan kepada kanak-kanak yang mengalami cirit birit, batuk dan selsema, jangkitan di telinga atau mata dan kanak-kanak kurang berat badan; dan
- (5) Pada masa ini, Jururawat Desa dikenali sebagai Jururawat Masyarakat yang mempunyai kelayakan dan memenuhi syarat mereka diberi peluang peningkatan kerjaya melalui Penambakan Skim Lantikan (PSL) kepada Jururawat Terlatih.